

# Udang sambal petai KDE ‘terangkat’

**nikmatnya iftar!**



**BERTEMAKAN** Aneka Selera Bufet Ramadan, Restoran Duyung di Kelab Darul Ehsan (KDE), Ampang Jaya, Selangor menjanjikan sajian makanan yang pasti memenuhi selera pengunjung.

Menu masakan kampung menjadi pilihan utama seperti udang sambal petai, ikan patin masak tempoyak, ikan tenggiri asam pedas dan sotong goreng.

Pengunjung boleh memilih variasi makanan menerusi konsep gerai yang menghidangkan seleksi menu berupa masakan Melayu, Cina, Barat dan pastri.

Menurut Ketua Cef, Mohd. Aznan Hamzah, menu udang sambal petai menjadi kegemaran ramai kerana rasa dan kaedah masakan yang mengikuti resipi tradisi.

“Kami menggunakan bahan-bahan asli dan segar bagi mendapatkan rasa yang sedap. Rata-rata pengunjung yang pernah merasai udang sambal petai kami memberikan reaksi positif,” ujarnya ketika ditemui di prebiu restoran itu baru-baru ini.

**MOHD. AZNAN** menunjukkan aneka hidangan yang disediakan Restoran Duyung sepanjang bulan Ramadan ini.

Selain itu, nasi ayam KDE juga antara menu popular di restoran itu. Keenakkannya terletak pada ayam yang diperap dengan madu selama dua hingga tiga jam.

“Golongan kanak-kanak menggemari hidangan itu kerana rasanya yang lemak manis,” tambah beliau.

Tidak lengkap hidangan tanpa merasai kambing panggang selain makanan jenis bakar lain seperti ayam dan ikan bakar. Bagi penggemar hidangan pencuci mulut, dapur pastri memberi pelbagai pilihan makanan seperti puding mangga, kek kacang hazel, pulut durian dan kuah-muih

Melayu.

Bagi menjamin kesegaran hidangan, tukang masak berpengalaman akan mula memasak pada pukul 2 petang.

Hidangan-hidangan yang ditawarkan ditukar setiap hari bagi memberi kepuasan kepada pengunjung.

Ruang yang luas memudahkan mereka memilih makanan dari 12 gerai yang terdapat di restoran berkenaan.

Dengan harga berpatutan sebanyak RM68 untuk seorang, pengunjung juga bakal dihiburkan dengan alunan muzik ghazal dan nyanyian tradisional sepanjang sesi makan malam.

KDE juga menyediakan kemudahan tempat letak kereta percuma dan surau untuk kemudahan pengunjung.

Di samping itu, terdapat juga sebuah bazar di sepanjang laluan masuk ke restoran untuk para pengunjung membeli barang keperluan hari lebaran.

**Alamat:** Kelab Darul Ehsan, Taman Tun Abdul Razak, Jalan Kerja Air Lama, Ampang Jaya, Selangor,  
**Telefon:** 03-4251 1471 / 03-4257 2333

**Harga:** RM68 (dewasa) dan RM35 (kanak-kanak)

**Tarikh:** 29 Jun hingga 26 Julai

**Laman web:** [www.berjayaclubs.com/kde](http://www.berjayaclubs.com/kde)

AIZZUL A.MAJID